



SISTEM e-TANAH DIPERKASAKAN DI NEGERI MELAKA

“Negeri Melaka menyambut baik inisiatif yang digerakkan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 - 2025. Pasti pelan yang telah dibangunkan bagi mewujudkan sebuah pentadbiran Kerajaan Digital sebagai pemangkin keperluan mendigitalisasikan rakyat seiring dengan revolusi teknologi.”

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusof
Ketua Menteri Melaka



Projek Sistem e-Tanah 2.0 adalah kesinambungan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi tahun 2003 untuk menyokong pentadbiran tanah di setiap peringkat pentadbiran secara 'Fast Track' seiring dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam ke arah Kerajaan Digital dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12)

Perutusan Pengarah

Usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri khususnya daripada Ketua Menteri kita, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusof, menjadi pembakar semangat kepada kita untuk terus menggembleng usaha secara bersepadu bagi memastikan kejayaan Sistem e-Tanah versi 2.0 ini.

Oleh itu, besar harapan saya agar Buletin yang diterbitkan ini menjadi medium yang signifikan bukan sekadar sebagai panduan informasi tetapi sebagai satu suntikan motivasi kepada kita untuk sama-sama menjayakan Sistem e-Tanah 2.0.


Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pasukan Kerajaan Negeri, Pentadbiran Tanah dan juga pihak PTSB atas kerjasama yang tidak berbelah bahagi bagi menjadikan Buletin ini sebagai tanda simbolik kedatangan Sistem e-Tanah versi baru iaitu 2.0 atau *rebranding* Sistem e-Tanah 1.0 kepada 2.0 dalam pengurusan dan pentadbiran tanah Negeri Melaka. Melaka boleh!

“Transformasi digital harus dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat. Justeru, tahap kecekapan teknologi dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat Negeri Melaka mesti di tahap maksima mengikut arus teknologi terkini.”

YBhg. Datuk Noraini Binti Tawel
Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka

TRANSFORMASI


Sistem e-Tanah 2.0 Melaka




Teknologi berasaskan web
Memiliki *Hypertext Transfer Protocol Secure* (HTTPS) melindungi kesulitan data & mencegah pengintipan



Keupayaan berintegrasi
Kebolehan berintegrasi dengan pelbagai sistem Agensi Kerajaan & integrasi antara modul



Satu Pangkalan Data
Kewujudan pangkalan data yang berpusat dan menjamin keselamatan data-data pejabat tanah



Pusat Pemulihan Bencana
Mempunyai lokasi sokongan khas penyimpanan data sekiranya bencana berlaku



Digital (Texture & Spatial)
Pengaksesan maklumat dimana-mana sahaja & mengekalkan ciri asal



Carian Elektronik
Carian pantas untuk mengakses maklumat mengikut modul urusan



Tandatangan Digital
Memiliki ciri *One Time Password* (OTP) bagi meningkatkan keselamatan



Single Point of Contact (SPoC)
Semua modul urusan dan perkhidmatan boleh dilakukan di satu kaunter sahaja

Objektif

Untuk meningkatkan efisiensi perkhidmatan pejabat tanah kepada orang awam dengan wujudnya sistem yang mudah urus.

Cakna Tanah

Sistem e-Tanah 2.0 ini boleh digunakan oleh pejabat tanah & orang awam. Projek ini adalah secara Kerjasama Awam Swasta dengan kaedah *Build, Maintain and Transfer* (BMT)



KRONOLOGI

Sistem e-Tanah 2.0



13 OKTOBER 2021
Mesyuarat
Jemaah Menteri

5 NOVEMBER 2021

Penyerahan cadangan Sistem e-Tanah Solution untuk 3 negeri kepada UKAS

26 NOVEMBER 2021

Cadangan penyelesaian Sistem e-Tanah bagi 3 negeri bersama Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) dan UKAS

6 DISEMBER 2021

Pengeluaran Surat Niat (LOI) oleh KETSA diserahkan kepada PTSB

6 APRIL 2022

Cadangan Sistem e-Tanah Solution bagi 3 negeri telah dikemukakan kepada JKPTG

17-18 FEBRUARI 2022

Lawatan tapak & pengumpulan maklumat

27 JANUARI 2022

Perancangan Makmal Pengurusan Nilai (VM Lab)

25 JULAI 2022 (Siri 1)

&

11 OGOS 2022 (Siri 2)

Kos dan Skop projek dimuktamadkan oleh UKAS dalam Sesi Pengurusan Nilai (MV)

11 OKTOBER 2022

Kelulusan JPICT Agensi

25 OKTOBER 2022

Kelulusan JPICT Kementerian



3 FEBRUARI 2025

Taklimat Pelaksanaan Sistem e-Tanah 2.0

6 NOVEMBER 2024

Tandatangan Perjanjian Negeri Melaka

19 OGOS 2024

Mesyuarat Rundingan dan Semakan Perjanjian Konsesi Pelaksanaan Pembangunan Sistem Pentadbiran Tanah Secara Elektronik (e-Tanah) Negeri Melaka

Latar Belakang Sistem e-Tanah 2.0



Lanjutan daripada keputusan Kerajaan Persekutuan melantik Syarikat Puncak Tegap Sdn. Bhd. (PTSB) sebagai syarikat konsesi yang bertanggungjawab dalam membangunkan Sistem e-Tanah 2.0

Kerajaan Negeri Melaka telah bersetuju pelaksanaan Sistem e-Tanah 2.0 di PTG dan PDT Negeri Melaka semasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)



Perjanjian Konsesi Sistem Pentadbiran Tanah Secara Elektronik (e-Tanah) bagi Pejabat-Pejabat Daerah dan Tanah dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Melaka telah ditandatangani pada November 2025.

Kerajaan Negeri Melaka telah bersetuju pelaksanaan Sistem e-Tanah 2.0 di PTG dan PDT Negeri Melaka semasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)



Pelaksanaan Sistem e-Tanah 2.0



Kemaskini Skop Sistem e-Tanah 2.0



Pembangunan Sistem

Mengkaji Keperluan (CRS), Mereka bentuk, Membangun dan Menguji sistem, Memberi Latihan dan Pewartaan sistem.



Perkhidmatan Pengurusan Data

Melaksanakan *Data Collection, Digitalization, Synchronization dan Cleansing, Verification, Migration dan Conversion.*



Penyediaan Infrastruktur

Membekalkan peralatan ICT dan menyedia serta mengurus *Network, Data Centre, Disaster Recovery Centre dan SPoC.*



Pengurusan & Penyenggaraan Projek

Mengurus, memantau dan menyenggara sistem serta melaksanakan pengurusan perubahan (*Change Management*).



Technology Refresh

Mengemaskini peralatan dan perisian ICT yang *obsolete* kepada yang terkini sebanyak 2 kali sepanjang tempoh konsesi.



Transfer of Technology

Melaksanakan *Transfer of Technology (TOT)* sebagai persediaan untuk menyerahkan Sistem e-Tanah 2.0 kepada Kerajaan.

Strategi Sistem e-Tanah 2.0



Keperluan Pengguna

- Mendapatkan khidmat nasihat SME
- Menyediakan aliran proses dan prototaip untuk verifikasi visual oleh pengguna
- Pelaksanaan Sistem e-Tanah tidak akan mengganggu urusan harian



Aplikasi e-Tanah

- Platform e-Tanah yang telah dilaksanakan akan digunakan bagi mempercepatkan proses pengaturcaraan.
- Agile methodology di mana modul yang telah siap dibangunkan akan ditunjukkan kepada pengguna untuk maklumbalas




Ujian Aplikasi

- PAT dan FAT akan dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan sistem diuji secara menyeluruh sebelum diguna pakai
- Data sebenar e-Tanah yang telah dibersihkan akan digunakan bagi menjalankan FAT

Arkitektur Sistem e-Tanah 2.0

Sistem e-Tanah 2.0 yang komprehensif dan bersepadu meliputi Modul Utama dan Sokongan, Platform dan Infrastruktur Teknologi serta berintegrasi dengan sistem-sistem lain.



Status Kemajuan

Bil.	Aktiviti Utama Projek	(#)	% Mengikut Pencapaian Sebenar	% Weightage	% Kemajuan Pelaksanaan
1.	Business Requirement Specification	●	44.4	0	8.9
2.	Pembangunan Sistem Aplikasi	●	10.0	0	2.5
3.	Pengujian Sistem Aplikasi	●	0.00	0	0.0
4.	Perkhidmatan Pengurusan Data	●	8.3	0	1.2
5.	Pengurusan Perubahan dan Latihan	●	16.4	0	1.6
6.	Infrastruktur	●	22.7	0	2.3


(#) Petunjuk Status

- Selesai
- Lewat
- Perancangan / Ikut Jadual
- Perlu Kawalan

Status kemajuan projek secara keseluruhan sehingga **11/4/2025** :

16.5%

Jadual Pelaksanaan



Petunjuk: ● Pencapaian Utama ● Kemajuan Projek CM - Change Management UAT - User Acceptance Test
 BRS - Business Requirement Specification DMS - Data Management Service FAT - Final Acceptance Test
 PAT - Provisional Acceptance Test EAT - Equipment Acceptance Test

Status kemajuan projek secara keseluruhan sehingga: **14/04/2025**

ANJAKAKAN EKOSISTEM PENTADBIRAN TANAH

Sistem e-Tanah 2.0 yang komprehensif dan bersepadu akan meliputi sembilan modul utama merangkumi segala aspek ekosistem di dalam pentadbiran tanah Negeri Melaka.



Dengan inovasi ICT, Sistem e-Tanah 2.0 akan menjadikan ekosistem pentadbiran tanah yang berkemajuan tinggi dan khusus mengikut keperluan Negeri Melaka

Apakah BRS?

(Business Requirement Specification)

Spesifikasi yang dibangunkan dalam Sistem e-Tanah 2.0 yang merangkumi carta alir proses dan skrin prototaip untuk setiap urusan. Dokumen BRS yang telah disahkan oleh PTG & PDT berfungsi sebagai panduan Pembangunan Sistem e-Tanah 2.0 Negeri Melaka.

PENGUMPULAN DATA

- ◆ Dokumen bertulis (carta organisasi, borang, laporan, surat-surat pentadbiran, kertas mesyuarat, dll)
- ◆ Temu ramah, Soal selidik, Pemerhatian
- ◆ Mengambil sampel (dokumen, maklumat pengguna, dll)

ANALISA MAKLUMAT

- ◆ Memahami dengan jelas proses kerja semasa di PTG & PDT
- ◆ Mengenal pasti masalah semasa, proses kerja/SOP yang tidak seragam di antara PTG dan PDT, dan penyelesaian
- ◆ Menentukan peningkatan ataupun perubahan (*customization*) yang boleh dibuat di dalam Sistem e-Tanah 2.0 mengikut keperluan proses kerja semasa di Melaka.

KAJIAN SISTEM SEMASA

- ◆ Kenal pasti apakah kelebihan dan kekurangan sistem semasa di PTG dan PDT
- ◆ Meliputi *input*, *output*, storan dan struktur fail, keperluan pengguna, kaedah atau tatacara, kawalan, perkakasan dan perisian sistem semasa

REKA BENTUK SISTEM & PENGESAHAN

- ◆ Mereka bentuk keperluan sistem berdasarkan kajian dan analisa yang telah dijalankan.
- ◆ Menyediakan satu dokumentasi spesifikasi keperluan dan reka bentuk sistem dengan menggunakan gabungan berbagai teknik
- ◆ Perlu mendapat persetujuan semua *stakeholder* yang terlibat.

Aktiviti e-Tanah



Mesyuarat Rundingan Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah Negeri Melaka



19 Ogos 2024



Armada Hall, Marina, Putrajaya



Aktiviti e-Tanah



Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah bagi Negeri Melaka

6 November 2024

Pejabat Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Putrajaya



Aktiviti e-Tanah

Taklimat Sistem e-Tanah 2.0 Negeri Melaka



03 Februari 2025



Hotel AMES, Melaka



Sesi Pra BRS (Kajian Sedia Ada) bagi Sistem e-Tanah Negeri Melaka



Februari - April 2025



Bangunan Wisma Negeri, Melaka

Minggu Pertama (Feb)



Aktiviti e-Tanah

Sesi Pra BRS (Kajian Sedia Ada) bagi Sistem e-Tanah Negeri Melaka



Februari - April 2025



Bangunan Wisma Negeri, Melaka

Minggu Kedua (Feb)



Minggu Ketiga (Feb)



Minggu Keempat (Feb)



Minggu Pertama (Mac)



Aktiviti e-Tanah



Mesyuarat Pasukan Projek Sistem e-Tanah 2.0 Bersama JKPTG & PTG Negeri Melaka



14 Mac 2025



Bangunan JKPTG Negeri Melaka



Akan Datang

**Sesi
Pra BRS**

**Bengkel
BRS**

**Pengurusan
Perubahan**

**Perancangan
Aplikasi**

**Koleksi Buletin e-Tanah 2.0
Negeri Melaka**



Sila Imbas kod QR